


Skuad Sukarelawan SRN UMT anjur aktiviti kemasyarakatan

5/13/09 PS- TS
MENGABANG TELIPOT – Skuad sukarelawan Sekretariat Rukun Negara (SRN) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) begitu komited menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dalam usaha melatih anggota dan juga masyarakat supaya lebih peka terhadap perkara yang berlaku di sekeliling.

Presidennya, Fadhil Ismail berkata, walaupun penubuhan kelab berkenaan masih dianggap 'hijau', namun itu bukan menjadi halangan bagi pihaknya untuk terus menjalankan pelbagai aktiviti yang mampu membabitkan pelajar dan juga masyarakat sekitar.

"Fokus utama kami adalah berbakti kepada masyarakat dan juga menjaga keindahan persekitaran, selain mene-



Fokus utama kami adalah untuk berbakti kepada masyarakat dan juga menjaga keindahan persekitaran, selain menerapkan nilai kemanusiaan serta jati diri yang tinggi dalam kalangan semua terbabit."

- Fadhil Ismail

rapkan nilai kemanusiaan serta jati diri yang tinggi dalam kalangan semua terbabit.

"Pihak kami juga dalam usaha menjalin hubungan yang lebih rapat dengan masyarakat setempat khususnya pemimpin bagi memastikan sebarang aktiviti yang mahu dilaksanakan

nanti dapat dilakukan dengan tersusun," katanya.

Menurut Fadhil, melalui kerjasama yang berterusan daripada semua pihak, secara tidak langsung membantu melancarkan setiap aktiviti berkenaan, seterusnya mencapai matlamat mahu mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

peka bakti